

Headline	Elak ekosistem kelip-kelip terjejas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,749



# Elak ekosistem kelip-kelip terjejas

## MDKS teruskan pengambilalihan tanah sepanjang lima kilometer

**KUALA SELANGOR** – Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan meneruskan pengambilalihan tanah sepanjang lima kilometer radius sejajar zon pembangunan terhad untuk santuari kelip-kelip di Kampung Kuantan.

Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali menjelaskan, zon pembangunan terhad sepanjang 400 meter dari kedua tebing sungai perlu dipelihara demi memastikan habitat kelip-kelip untuk jangka masa panjang.

Menurutnya, Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan sudah diwartakan dalam cadangan Zon Santuari Kelip-Kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015.

“Kerajaan negeri turut mengarahkan MDKS untuk pengambilan semula tanah dengan tujuan tiada pembangunan di sekitar kawasan itu yang boleh menjejaskan habitat kelip-kelip.

“Zon pembangunan terhad ini meliputi koridor sungai di luar kawasan rizab sungai dalam lingkungan 50 meter berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Berhadapan Sungai,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sidang media sempena program di Dewan Siantan bersama pemimpin setempat dan Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohamad Yaakob Ismail.

Mohd Azhar berkata, MDKS juga berperanan untuk menyelenggara kebersihan kawasan, landskap, menyediakan kemudahan awam dan penyelenggaraan jeti, lampu jalan serta taman permainan.

“Sebab itu, MDKS sentiasa mengawal sebarang bentuk pembangunan di sepanjang Sungai Selangor supaya tidak menjejaskan ekosistem kelip-kelip dan pokok berembang.

“Kompleks Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan ini mampu memberikan pendapatan sampingan kepada penduduk khususnya lebih 30 pendayung dan pengusaha kraf tangan.

“Kita cukup jaga kawasan ini kerana habitat kelip-kelip yang ada di Kampung Kuantan ini adalah spesis ‘*pteroptyx tener*’ yang hanya boleh ditemui di Hutan Amazon, Brazil saja,” katanya.

Untuk perancangan pelancongan akan datang katanya, MDKS juga merencana kerjasama dengan agensi atau ejen pelancongan supaya dapat menjadikan Kuala Selangor sebagai satu pakej yang boleh dikomersialkan.

“Pada masa sama, MDKS meneruskan dan mengikuti siri promosi pelancongan yang dianjurkan kementerian berkaitan selain aktiviti lain untuk menarik kehadiran pelancong dalam serta luar negara.

“Bukan saja MDKS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia turut bekerjasama memelihara dan membuat kajian berterusan mengenai habitat kelip-kelip di kawasan ini.

“Jika timbul aduan mengenai aktiviti pengusaha pelancongan swasta, MDKS akan mengambil pendekatan terbaik bagi menyelesaikan isu terbabit

memandangkan semua pihak peka dengan kepentingan kelip-kelip untuk industri pelancongan.

“Untuk kawasan Kampung Kuantan, mungkin tak timbul masalah sebab dijaga MDKS tapi bagi pengusaha swasta, kita yakin dan percaya mereka pun tahu kepentingan kelip-kelip untuk pakej mereka.

“Jadi, masing-masing perlu ada kepekaan dan tanggungjawab untuk memelihara habitat kelip-kelip sebaik mungkin sama ada jangka pendek dan jangka panjang,” katanya.

**INFO** ● MDKS juga merencana kerjasama dengan agensi, ejen pelancongan jadikan Kuala Selangor sebagai pakej yang boleh dikomersialkan

Headline	Elak ekosistem kelip-kelip terjejas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	425 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,749



Mohd Azhar (kanan) melihat reruai pameran makanan yang disediakan sempena program di Dewan Siantan MDKS.